

15/08/1997

Negara perlu ramai pakar kreatif

Mohd Fuad Razali

MALAYSIA memerlukan lebih ramai sumber manusia dalam bidang kreatif untuk membolehkannya memasarkan produk tempatan di pasaran antarabangsa.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata keperluan sumber manusia dalam bidang itu lebih diperlukan apabila Malaysia memasuki era teknologi maklumat dan menjelang abad ke-21.

"Kita memerlukan ramai tenaga yang berkaliber dalam bidang seperti animasi, penulisan kreatif dan multimedia. Dalam pengeluaran produk lain juga kita memerlukan reka bentuk kreatif untuk menjualnya kepada pengguna."

"Oleh itu, penguasaan teknologi untuk pengeluaran produk mesti digabungkan dengan daya kreatif dalam reka bentuk. Ada banyak negara yang mempunyai input teknologi yang tinggi tetapi gagal dari segi reka bentuk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan balas penerimaan anugerah fellow kehormat dari Institut Kreatif dan Teknologi Limkokwing (LICT), semalam.

Anugerah itu disampaikan oleh Penasihat Khas LICT, Tan Sri Ghazali Shafie. Anugerah itu diberikan sebagai penghargaan terhadap usaha dan pencapaian cemerlang Najib dalam pendidikan serta pembangunan sumber manusia.

Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah LICT, Datuk Sulaiman Osman; ahli Lembaga Pengarah LICT, Mokhzani Mahathir; Presiden LICT, Tan Sri Lim Kok Wing dan Pengarah Eksekutif LICT, Puan Sri Tessie Lim.

Mengenai anugerah itu, Najib berkata, ia bukanlah semata-mata kerana kejayaan kepemimpinannya secara sebaliknya adalah hasil sokongan yang diberikan oleh pegawai di Kementerian Pendidikan serta Jemaah Menteri.

Katanya, kedua-dua pihak itu memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepadanya bagi setiap reformasi pendidikan yang dibentangkan.

"Tanpa sokongan kedua-dua pihak ini, semua perubahan yang berlaku dalam pendidikan di negara kita tidak mungkin menjadi kenyataan," katanya.

Menurut Najib, perubahan terhadap sistem pendidikan negara dilakukan secara sistemik kerana semua aspek dalam pendidikan mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Bagaimanapun, katanya, perubahan itu adalah bersifat menyeluruh dan komprehensif.

Najib juga berkata, ilmu sudah diakui sebagai kuasa dan menafikan peluang mendapatkan ilmu bagi seseorang rakyat akan meluaskan jurang ekonomi, sosial dan politik dalam masyarakat.

"Hari ini, menerusi pendidikan, kita boleh mengurangkan jurang, membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup."

"Malah, kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap pembangunan sistem pendidikan bagi menjayakan hasrat pembentukan masyarakat yang bersatu dan progresif dengan menyediakan pendidikan kepada semua menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan," katanya.

(END)